

# Malaysia yakin kerjasama bawa pertumbuhan: PM

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Malaysia yakin negara-negara membangun dapat mengatasi rintangan-rintangan yang menyekat mereka dan mencapai tahap pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi menerusi kerjasama yang berkesan dan bermakna, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Malaysia berpegang kuat kepada konsep kerjasama di kalangan negara-negara membangun, iaitu kerjasama selatan-selatan.

Berucap dalam jamanuan makan malam meralken Perdana Menteri Papua New Guinea, Encik Michael Somare di sini, beliau berkata, Malaysia telah menawarkan "kerjasama teknikal sekadar yang boleh kepada negara-negara membangun termasuk Papua New Guinea."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Papua New Guinea adalah pengeluar barangan utama dan terpaksa mengatasi masalah yang serupa bagi memastikan harga yang adil dan stabil bagi keluan mereka.

Kedua-dua negara terpaksa memastikan yang mereka tidak menjadi mangsa pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang melakukan "manipulasi dan spekulasi" di bursa-bursa komoditi.

Beliau gembira yang Papua New Guinea telah mendapati bebe-

rapa program latihan Malaysia berguna baginya.

Para ahli perniagaan kedua-dua buah negara juga telah mengadakan pertemuan untuk meninjau potensi pelaburan dan perdagangan secara teras.

Datuk Seri Dr Mahathir menawarkan kepada Papua New Guinea pengalaman dan kemahiran Malaysia dalam aspek-aspek praktikal rancangan tanah atau pertanian.

Perdana Menteri menegaskan masalah-masalah politik dan keadaan tidak tenteram di Asia Tenggara adalah disebabkan oleh persaingan antara kuasa-kuasa besar.

Dalam usaha untuk membebaskan rantau ini dari ancaman, Asean telah menerima Perleytihaan Kuala Lumpur bagi mewujudkan zon aman, bebas dan

berkecuali.

Beliau juga menerangkan usaha Asean untuk mencari penyelesaian politik menyeluruh bagi masalah Kam-puchea dan mengucapkan terima kasih kepada Papua New Guinea kerana memberi sokongannya di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyatakan kebimbangan Malaysia akan keadaan di bahagian-bahagian lain di dunia. — Bernama